

STPM Kertas 1 2019:

Soalan 4 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dua alasan mengapa terdapat perniagaan yang tidak mempunyai rekod perniagaan yang lengkap:
1. Pemilik perniagaan tidak mempunyai pengetahuan perakaunan atau sumber kewangan yang secukupnya bagi mendapatkan khidmat kerani akaun,
 2. Rekod perakaunan yang disediakan musnah dalam bencana alam, hilang atau dicuri oleh pihak yang tidak diingini.
- (b) Tiga implikasi ke atas pengurusan perniagaan jika perniagaan tidak mempunyai rekod perakaunan yang lengkap:
1. Pengukuran prestasi dan kedudukan kewangan bagi satu tempoh perakaunan mungkin tidak tepat dan ini akan menjelaskan proses pembuatan keputusan yang efektif.
 2. Kesilapan dan penyelewengan yang mungkin berlaku tidak mudah dikesan dan ini akan merugikan perniagaan.
 3. Operasi perniagaan tidak boleh dilaksanakan secara efisien kerana tidak mempunyai rekod-rekod kewangan untuk membantu pihak pengurusan membuat keputusan taktikal yang baik dan ini akan melibatkan pembaziran sumber-sumber perniagaan.

- (c) (i) Hitung baki tunai di bank:

	RM	RM
Baki awal		
Penerimaan:		
Modal		800
Pinjaman dari bapa		1,200
Kutipan dari pelanggan		11,350
		13,350
Tolak: Pembayaran		
Upah pekerja	3,600	
Belian peralatan	300	
Bekalan	800	
Sewa mesin rumput	1,200	
Belanja penyelenggaraan	200	
Belanja runcit	600	
Pinjaman dari bapa	1,200	
Ambilan	1,000	8,900
Baki akhir		4,450

(ii) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif:

Laman Q Enterprise		
Penyata pendapatan komprehensif bagi enam bulan berakhir pada		
31 Julai 2018		
	RM	RM
Hasil perkhidmatan (11,900 + 600)		12,500
Tolak: Belanja operasi		
Upah pekerja (3,600 + 600)	4,200	
Belanja peralatan (300 / 2)	150	
Belanja bekalan (800 – 100)	700	
Sewa mesin rumput	1,200	
Belanja penyelenggaraan	200	
Belanja runcit	600	7,050
Untung bersih		5,450

(iii) Penyediaan penyata kedudukan kewangan

Laman Q Enterprise	
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Julai 2018	
	RM
Aset semasa	
Peralatan	150
Bekalan	100
Akaun belum terima	600
Bank	4,450
Tunai	450
	5,750
Tolak: Liabiliti semasa	
Upah belum bayar	600
	5,150
Dibayai oleh:	
Ekuiti pemilik	
Modal	800
(+) Untung bersih	5,450
	6,250
(-) Ambilan	1,100
	5,150